

Teks Ucapan Alu-aluan

**Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Bin Abdullah
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah**

**Sempena Majlis Pelancaran Program Sikal Elektrik
Rakyat 1 Malaysia**

**11 April 2017 (Selasa) | 9.30 Pagi
Dewan Resital, UMS**

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

Salutasi

Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus
Johnity Ongkili
Menteri Tenaga, Teknologi Hijau & Air

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Ismail Ali,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan
Alumni)

Pegawai-pegawai Utama dan Kanan,
Ketua-ketua Jabatan, Para Pelajar yang dikasihi,
Sahabat Media UMS, Tuan-tuan dan Puan-puan
yang dihormati sekalian,

Terlebih dahulu marilah kita merafakkan
kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan
limpah kurnia dan izin-Nya kita diberi kesempatan
untuk bersama-sama pada pagi ini bagi
menjayakan Majlis Pelancaran Program Sikal
Elektrik Rakyat 1 Malaysia (SER1M).

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air kerana sudi meluangkan masa bersama-sama kita, sekaligus menyempurnakan pelancaran Program Sikal Elektrik Rakyat 1 Malaysia pada hari ini.

Untuk makluman para hadirin sekalian, Universiti Malaysia Sabah telah menerima sebanyak 200 buah basikal elektrik daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air yang telah diterima sepenuhnya oleh pihak UMS pada 31 Mac yang lalu. Terima kasih saya ucapkan.

Yang Berhormat Datuk Seri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Sikal Elektrik Rakyat 1 Malaysia (SER1M) adalah satu program yang bermatlamatkan untuk melahirkan generasi baharu di dalam kampus universiti yang mempelopori pengangkutan hijau mesra alam, bebas daripada pencemaran udara dan mengurangkan kesesakan lalu lintas dalam kampus universiti. Matlamat ini amat bertepatan dengan pelaksanaan Pelan Tindakan EcoCampus Universiti Malaysia Sabah yang menggariskan lima nilai teras pelan transformasi EcoCampus berasaskan enam elemen utama dengan faedah memperkukuhkan kesedaran alam sekitar,

membolehkan perubahan sosial melalui tindakan dan sebagainya terhadap perancangan dan aktiviti universiti. Untuk makluman hadirin hadirat semua, UMS kini menuju ke arah status Universiti EcoCampus sepenuhnya dan pelancaran basikal elektrik pada pagi ini akan merangsangkan lagi hasrat ini. UMS amat berbangga kerana terpilih dalam program ini bersama-sama dengan beberapa buah Universiti Awam yang lain.

Dengan membudayakan penggunaan kendaraan mesra alam ini, sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan pencemaran alam sekitar dan sekali gus membantu menangani kesan pemanasan global. Saya berharap, seluruh warga UMS memainkan peranan masing-masing dalam mewujudkan budaya yang positif ini. Usaha ini juga, tidak mustahil dapat memberi kesedaran kepada masyarakat peri pentingnya menjaga keharmonian alam.

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili dan kementerian yang diterajui beliau atas inisiatif memilih UMS sebagai salah satu universiti yang terpilih dalam program ini. Tidak dilupakan juga kepada Kerajaan Negeri Sabah yang sentiasa menyokong usaha UMS membudayakan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Tahniah dan syabas saya titipkan kepada semua ahli jawatankuasa dan pihak yang bertungkus lumus merancang, menyusun serta melancarkan perjalanan majlis kita pada hari ini. Semoga kita semua menyemai dan menyuburkan budaya EcoCampus dalam kamus kehidupan kita seharian.

Sekian dan terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.